

02/02/2003

`Umno perlu berubah seiring peredaran masa'

Jamhariah Jaafar; Munaarfah Abu Bakar

UMNO terus menjadi tumpuan. Rombakan di Kelantan menyaksikan beberapa pemimpin negeri turut terasa bahang, sehingga ada yang menawarkan untuk memberi laluan kepada muka baru. Tidak diketahui sama ada niat mereka ikhlas atau sekadar ingin `menguji pasaran'. Namun ia memberi satu lagi persepsi menarik kepada parti yang semakin kukuh dalam perjuangannya untuk membela nasib bangsa, agama dan negara.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula menasihatkan pemimpin Umno dan Barisan Nasional agar berhenti membuat kenyataan berhubung kesediaan mereka berundur pada pilihan raya umum akan datang.

Ikuti wawancara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR dan MUNAARFAH ABU BAKAR, dengan Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengenai imej Umno hari ini terutama selepas krisis serius pada 1999 dan kerja keras `membersihkan' imej' parti terunggul Melayu ini.

DATUK sebagai Setiausaha Kerja yang rapat dengan keadaan dalaman Umno, apa penilaian anda terhadap keutuhan Umno selepas mengalami kemelut pada 1999?

Umno sekarang ini lebih mantap kerana kita telah melaksanakan sistem yang lebih berbeza. Malah, jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sentiasa memantau segala pergerakan Umno. Kita mendapat maklum balas dari setiap cawangan dan bahagian dan kita juga menerima laporan prestasi daripada wakil rakyat.

Selain itu, kita juga meneliti isu-isu yang dibawa pembangkang di setiap kawasan. Umno sekarang ini lebih mesra rakyat, lebih terbuka dan keahlian semakin kukuh. Kita juga telah mengatasi masalah sekatan keahlian yang pernah berlaku sebelum ini dan kita juga menasihati ahli supaya mendekatkan diri dengan masyarakat. Masyarakat komponen terpenting dalam menentukan survival Umno kerana ahli saja tidak cukup untuk memberi kemenangan kepada parti.

Rakyat masih lagi skeptikal dengan keikhlasan Umno dan isu yang tercetus pada krisis politik 1999 masih mempengaruhi sebahagian mereka.

Rakyat ketika itu berubah arah kerana kekeliruan disebabkan isu Anwar Ibrahim. Apa yang mereka tidak tahu ialah apa yang kita lakukan adalah untuk kebaikan rakyat dan umat Islam di negara ini dan hakikat Anwar seorang yang benar-benar hipokrit. Dia bercakap berdegar-degar bagai ayam jantan berkokok tapi ekor bergelumang tahi, Umno lebih berasa kepedihan dan keperitan apabila kita hendak memecat Timbalan Presiden yang telah dididik untuk mengambil alih tempat Presiden.

Peralihan kuasa telah ditentukan ketika itu tetapi ini semua kerana keredah dia sendiri dan barang kali Allah lebih mengetahui manusia bernama Anwar Ibrahim ini tidak boleh memimpin negara ini. Kita faham qada dan qadar, mungkin Allah pay him in cash serta merta. Persepsi rakyat ketika itu kita yang salah, Umno pula tidak menerangkan kerana kita juga masih keliru kerana Anwar berada dalam parti dan kerajaan selama 16 tahun, serta memegang jawatan penting. Dia juga menggunakan kedudukannya hanya untuk menolong orang yang menyokongnya... dia telah melakukan politic of patronage (politik ala penaung).

Ini masalah besar kerana ada pemimpin kita juga yang kelihatannya tidak faham makna perjuangan. Semua orang mesti faham bahawa Umno tidak pernah menjanjikan akan memberi agihan tertentu... ini salah. Malah, jika menjadi

ketua bahagian pun, kita juga tidak pernah menjanjikan mereka akan menjadi wakil rakyat atau menteri.

Contohnya saya sendirilah, saya berjaya dalam karier dan kedudukan kewangan yang teguh hasil Dasar Ekonomi Baru dan selepas itu saya berasa sudah tiba masanya saya membuat sumbangan kepada parti. Umno tidak pernah meminta duit saya dan kudrat saya, tapi saya sendiri insaf orang Melayu hanya mempunyai wadah melalui Umno untuk memastikan survival Melayu itu sendiri.

Apa yang berlaku pada 1999 ialah orang Umno sendiri keliru terutama apabila mereka sentiasa akur kepada perundangan kerana kes masih berlangsung... jadi Umno terpaksa berdiam diri. Tapi orang lain pergi ke merata-rata tempat memfitnah. Fitnah itu lebih buruk dan tidak melambangkan Islam, kita juga tidak suka bercakap mengenai kepemimpinan kita yang tidak baik kerana ia ibarat menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri. Umno telah bersabar sehinggalah tiba satu masanya apabila melihat rakyat semakin mempertikaikan keputusan yang dilakukan. Kita agak kecewa melihat minda rakyat kita yang kita ingat semakin terbuka tetapi sebenarnya ramai yang masih sempit, mempercayai banyak perkara termasuk janji pembangkang jika mengundi mereka akan masuk syurga. Itu tugas Allah bukan kerja manusia. Begitu juga dengan tindakan mengkafirkan orang, siapa kafir, siapa alim itu pun kerja Allah bukan kerja kita. Kita berjuang dalam Umno sekarang ini untuk memastikan akidah kita tidak terpesong.

Perpecahan Melayu pada 1999 amat serius, adakah Umno berpuas hati dengan usaha dilakukan setakat ini untuk merapatkan semula jurang yang wujud?

Setakat ini, kita sudah melakukan segala terdaya. Kita sudah mengadakan program untuk semua pihak, pemimpin terutama ahli Majlis Tertinggi telah ke seluruh negara untuk menjelaskan keadaan sebenar. Kita juga mengadakan pelbagai program termasuk mewujudkan lokasi khas untuk melatih ahli Umno, program penjelasan juga Taklimat Presiden yang lebih awal kepada ahli... semua program terus berjalan. Setakat ini kita dapat lihat persepsi Melayu semakin berubah.

Sebagai Pengerusi Perhubungan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dulu bandar raya ini adalah kilang pembangkang tapi saya yakin pada pilihan raya umum akan datang ia akan berubah menjadi kilang penyokong Barisan Nasional (BN). Kaedah yang kita lakukan ialah pergi ke bawah, bertemu rakyat dan selain menyelesaikan keadaan, kita juga memberi penerangan termasuk rancangan kerajaan terutama matlamat jangka panjang.

Bagaimana Datuk melihat pengaruh Anwar di dalam Umno?

Sudah hampir hilang. Seperti saya katakan tadi dia mengamalkan politic of patronage... dulu dia menjaga bahagian tertentu, Kita ada 165 bahagian dan dia menjaga 100 ketua bahagian, bagi gaji, bagi saham, bagi kontrak. Macam-macam hal sebenarnya kerana dia hanya memikirkan untuk berkuasa. Yang kita hendakkan ialah kepemimpinannya untuk pembangunan parti dan masyarakat. Kalau ada pemimpin yang rakus lagi macam Anwar, saya sarankan supaya Umno jangan undi mereka. Kita jangan terlalu memikirkan 'kita' kerana kalau kita memikirkan 'kita' maka akan berlaku perkara yang tidak diinginkan.

Cuba kita renung dalam cermin dan tengok sendiri ke dalam mata, apa akan berlaku kepada parti dan negara ini pada masa akan datang jika kita terus menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan sendiri. Tangan dan sikap kita akan dipersoalkan 'esok'. Saya sendiri kalau niat saya untuk memecahbelahkan orang Islam, saya adalah orang yang berdosa. Sekarang ini yang menjadi pencetus perpecahan umat Islam ialah parti pembangkang, bukan kita.

Tapi sistem patronage ini sudah lama wujud dalam Umno...

Kerana itu kita perlu mengubahnya. Kalau kita sendiri tidak mahu menukar, percayalah parti ini tidak akan dapat bertahan lebih lama pada

masa akan datang. Kita telah menyaksikan apa yang telah berlaku di negara lain di sebabkan sistem ini, kerana itu Umno perlu mengubah minda supaya jangan terlalu taksud dengan sistem meminta dan mengharap. Cuba jangan tanya apa yang parti boleh beri kepada anda, masalah yang timbul sekarang ialah ramai yang terlalu meminta dan mendesak... baik yang ada di dalam parti atau mereka yang hendak menyertai parti ini.

Mereka sentiasa berkata dan mencari jalan mengenai apa yang Umno boleh beri kepada mereka. Kita mesti tanamkan dalam diri bahawa jika ini berterusan kita akhirnya akan memiliki satu masyarakat yang korup. Jika ada yang bermula dengan membeli undi, akhirnya mereka sendiri akan mencari siapa yang boleh memberi mereka duit. Ini barah berbahaya kepada masyarakat, bangsa dan negara kita.

Apa yang lebih menggerunkan kita jika pada masa akan datang ada pula pihak yang memperkudakan pemimpin kita... dia bagi duit untuk menjadikan mereka puppet (boneka). Mereka akan dikudakan, diberi duit dan akhirnya menjadi boneka. Perkara ini tidak mustahil kerana tradisi kita ialah hanya kira-kira 2,000 lebih ahli Umno yang boleh mengundi untuk memilih presiden parti dan presiden itu pula akan menjadi Perdana Menteri... jadi jika semua ahli yang boleh mengundi itu dibeli, apa yang akan berlaku kepada negara ini.

Memang Umno bekerja keras untuk memulihkan keadaan, tapi apa yang berlaku tidak mungkin boleh dipulihkan dalam tempoh singkat.

Ya, kita melakukan dengan perlahan dan berperingkat. Saya baru ke Sabah baru-baru ini dan orang Sabah kata saya 'mengamuk'. Sebenarnya saya bukan 'mengamuk' tapi saya bercakap dari hati saya. Saya bercakap secara telus dan berkata yang benar. Saya tidak faham mengapa ada pemimpin Umno di Semenanjung menagih undi dari Sabah... pada saya pemimpin yang menagih atau membeli undi adalah pemimpin yang tidak berguna. Semua pemimpin itu mesti sedar bahawa jika mereka kenyang hari ini tapi mereka akan terperangkap akhirnya, terutama 'undi yang dibeli' akan datang mengunjungi mereka berulang kali.

Tapi sistem pencalonan Umno (ketika pemilihan peringkat tertinggi) menjadikan keadaan seperti itu berlaku.

Tidak, anda salah. Sistem tidak membuka laluan untuk pemimpin membeli undi... kerana kita mempunyai Jawatankuasa Disiplin untuk memantau keadaan. Dalam hal ini MT tidak campur tangan, Jawatankuasa Pengurusan tidak campur tangan.

Ramai pemimpin Umno akhir-akhir ini banyak mengeluarkan kenyataan menyatakan kesediaan menarik diri daripada pilihan raya akan datang, sedangkan tempoh pilihan raya masih ada dua tahun lagi. Apa pandangan Datuk?

Kita berharap pemimpin Umno tidak mengeluarkan kenyataan sebarangan. Perubahan dilakukan hanya untuk kebaikan Umno bukan untuk kepentingan individu tertentu. Kalau Presiden membuat pertukaran, kalau untuk kebaikan Umno mengapa mesti kita terikut-ikut atau meniru perubahan yang dibuat pada hanya sesebuah negeri tertentu. Negeri lain tidak perlu terlalu cepat melatah dan mengumumkan sendiri kemungkinan akan berlaku perubahan di negeri masing-masing.

Sekarang hanya di Kelantan, negeri lain kita tidak lagi membuat keputusan. Saya menyarankan supaya janganlah kita melatah tidak tentu arah, kita mesti rasional kerana apabila tiba waktunya jika kita berasakan kita tidak boleh lagi memberi sumbangan kepada parti dan rasa ada orang yang lebih sesuai untuk mengambil alih, kita berundurlah secara ikhlas. Tak perlu belum sampai tempoh dan saatnya, kita mula berkata kita hendak berhenti, nanti akan ada orang berkata ini hanya gimik politik.

Bila rombakan parti berlaku, sering berlaku perasaan tidak puas hati dan kadang kala mewujudkan pelbagai puak yang tidak bersatu. Apa pendapat

Datuk?

Tidak patut wujud perasaan tidak puas hati, mereka sepatutnya perlu terus memberi sokongan padu. Jika anda seorang pemimpin yang baik, anda patut tahu bila masanya anda patut berundur, jika masanya sudah tiba pergilah dan sokonglah orang yang menggantikan kita. Tapi apa yang berlaku sekarang bila kita menjadi pemimpin, kita hendak jadi pemimpin selamanya. Perdana Menteri juga akan bersara, beliau sendiri mengumumkan keputusan untuk mengundurkan diri.

Kerana itu bagi saya, bangsa Melayu perlu mengubah cara pemikiran, jangan terlalu taksud dan terus keliru. Kita sekarang ini mengalami pelbagai kekeliruan, keliru dengan pucuk pimpinan, dalam parti keliru, malah dalam kerajaan juga ramai yang keliru, kita suruh buat lain, dia buat lain.

Tapi saya percaya keadaan semakin pulih terutama dengan peranan dimainkan media massa. Umno juga melakukan pelbagai perkara tapi saya tidak boleh nyatakan semuanya. Kepimpinan tertinggi Umno juga bekerja keras. Contohnya MT, arahan turun padang membabitkan semua pemimpin, ramai yang bekerja keras.

Rombakan yang berlaku di Kelantan dan khabar angin di tempat lain membuatkan Umno kelihatan bakal mengalami rombakan besar-besaran.

Saya tidak nampak begitu, jangan hanya kerana Kelantan mengalami rombakan negeri lain akan turut terbabit. Rombakan sudah pasti berlaku terutama bagi mengukuhkan kedudukan menjelang pilihan raya umum. Negeri-negeri yang agak lemah sudah pasti tidak dapat lari daripada mengalami perubahan. Tapi tidak semua negeri, mungkin hanya dua tiga negeri... tapi itu pun saya tidak dapat mengatakan dengan pasti kerana keputusan akhir berada di tangan Presiden. Tapi sebenarnya Umno telah melakukan perubahan dan rombakan sejak beberapa bulan lalu, Sabah mendahului semua negeri, Wilayah Persekutuan juga telah mengalami perubahan, selepas itu Kelantan. Apa yang berlaku sekarang ialah Umno bakal menyuntik `darah baru' untuk menyegarkan kembali semangat perjuangan kita. Kita adalah parti dan ia bagaikan menjual produk, ia memerlukan sesuatu yang segar setiap masa.

Ramai yang melenting dan melatah selepas Umno Kelantan dirombak...

Mereka tidak patut melatah terlalu cepat. Mungkin yang melatah ini memiliki sesuatu yang kita tidak tahu. Bagi saya mereka tidak patut melatah. Jika mereka melakukan kebaikan untuk parti, jika mereka seorang pemimpin yang bertanggungjawab dan masih relevan untuk memimpin mereka tidak patut melatah.

Mungkin ada yang ingin test market?

Itu saya tidak tahu, tapi saya bimbang akan ada orang melihat ini adalah satu gimik politik. Buat apa mereka test market.

Sebagai Setiausaha Kerja Umno, bagaimana anda melihat perpindahan kuasa daripada Presiden kepada Timbalan Presiden?

Saya tidak fikir Umno akan mengalami sebarang perubahan besar. Saya fikir Pak Lah akan meneruskan modul Dr Mahathir. Modul Perdana Menteri ternyata berjaya sekarang, saya sendiri mengikuti modul yang digariskan beliau dan kami sedang membentuk wawasannya kepada sesuatu yang konkrit. Saya tidak fikir akan berlaku perubahan besar.

Apakah Perdana Menteri memberi arahan khusus mengenai cara untuk menangani pembangkang?

Sudah tentu ada, tapi saya pula sudah tentu tidak akan mendedahkannya. Pembangkang menggelarkan saya dengan begitu banyak nama, bila saya berkata beberapa pemimpin mereka yang menang di kawasan tertentu makan duit haram... mereka melenting. Tetapi ternyata di beberapa pilihan raya lalu, kita dapati ada pembangkang yang berpakat dengan pegawai pilihan raya, tukar pengundi di dalam kawasan... saya berkata perkara yang benar, tapi sudah tentu mereka tidak suka.

Jadi saya berdoa, semua orang Melayu terutama ahli Umno sendiri perlu berubah sikap dan memastikan bangsa Melayu tidak berpecah belah. Umno tidak berdosa, yang membuatkan Umno berdosa ialah ahli-ahlinya. Jika ahlinya jadi penyangak maka Umno juga akan jadi penyangak. Umno yang ditinggalkan datuk, nenek dan ibu bapa kita dulu adalah untuk masa depan orang Melayu. Asas, prinsip dan Perlembagaan Umno adalah jelas iaitu selepas kemerdekaan kita kena mengisi kemerdekaan dan memperjuangkan nasib bangsa Melayu dan agama Islam.

Datuk agak lama menguruskan Umno iaitu hampir lima tahun, bagaimana anda menghadapi pelbagai kerenah ahli Umno?

Bagi saya kita perlu mengubah minda ahli dan mereka mesti sedar parti ini adalah perjuangan untuk bangsa, bukan untuk diri sendiri. Kerana ia adalah sebuah parti politik. Ramai yang tidak berani berkata mengenai kebenaran kerana kononnya untuk menjaga hati.

Tapi kita kini berada dalam era globalisasi, apa yang kita kata pasal jaga hati? Bagaimana kita boleh menahan sebarang berita daripada tersebar. Hari ini khabar angin boleh tersebar dalam masa beberapa saat saja, malah kejadian di luar negara boleh dilihat secara langsung di seluruh dunia. Jadi, ahli Umno perlu turut berubah seiring dengan perubahan masa.

Ada yang mempertikaikan kedudukan anda terutama apabila dilantik menjadi Menteri Kabinet.

Semua pihak mesti sedar untuk menjadi Menteri Kabinet, anda tidak perlu menjadi Ahli Parlimen. Sudah tentu akan ada Ahli Parlimen yang berasa sesuatu. Tapi cuba kita ukur baju di badan sendiri, mereka tidak sedar bila saya menjadi menteri, saya terpaksa mengalami potongan pendapatan sehingga 90 peratus. Saya terpaksa membuat banyak pengorbanan, saya terpaksa menjual perniagaan saya dan apabila kali pertama saya melihat gaji saya, saya sendiri terkejut dan bertanya kepada diri sendiri sama ada mampu untuk membayar bil-bil saya saja. Mereka tidak tahu pengorbanan yang saya lakukan. Mereka patut bersikap adil dan melihat dulu keputusan daripada tanggungjawab saya.

Bagaimana pula dengan kedudukan anda sebagai Setiausaha Kerja?

Jawatan saya di dalam parti adalah lebih penting berbanding jawatan saya di dalam kerajaan. Jika parti lemah, kita akan kalah. Jawatan saya dalam kerajaan hanya untuk memberi nasihat dan membuat polisi. tapi bagi saya jawatan dalam parti adalah penting untuk memastikan survival bangsa Melayu.